SULIT

# PROGRAM GEMPUR KECEMERLANGAN

**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA**
**2020**

**NEGERI PERLIS**

## PEPERIKSAAN PERCUBAAN BERSAMA 1223/2 (PP)

**PENDIDIKAN ISLAM**
**(Kertas 2)**

**Peraturan Pemarkahan**
**OKTOBER**

---

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

**AMARAN**

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** . Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.

---

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 10 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah ]

| SOALAN | | | JAWAPAN | MARKAH |
|---|---|---|---|---|
| 1 | a | i | **Dua** contoh perbuatan mempersendakan agama<br><br>-Bangga apabila melanggar larangan Allah SWT.<br>-Menghina orang bertakwa<br>-Menyanjung tinggi perbuatan maksiat<br>-Makan dikhalayak ramai pada bulan Ramadhan di siang hari./ tidak berpuasa Ramadhan<br>-Mengoyak al-Quran dengan tujuan menghina<br>-Memperkecilkan tuntutan agama<br>-Enggan membayar zakat<br>-Tidak bersolat/ berada ditempat terbuka pada waktu solat Jumaat.<br>-Memperlekehkan ibadah haji dan umrah.<br><br>Jawapan yang tidak diterima<br><br>-tidak bayar zakat<br>-tidak patuh perintah Allah<br>-Mengamalkan ajaran sesat | 2 isi x 1m<br>= 2m |
| | | ii | **Dua** balasan terhadap golongan yang mempersendakan agama<br><br>-Dimasukkan ke dalam Neraka/ dilaknat Allah<br>-Diberi minuman air panas yang mengelegak.<br>-Mendapat siksaan azab yang pedih/azab yang dahsyat<br>-Dimurkai oleh Allah | 2 isi x2m<br>=4m |
| | | iii | **Soalan KBAT**<br><br>Kebanyakan salah laku disiplin yang berleluasa di sekolah melibatkan pelajar-pelajar yang mengabaikan tuntutan solat fardhu lima waktu sehari semalam.<br><br>Kemukakan pandangan anda tentang hubungan solat dan disiplin dalam pernyataan di atas. | 4m |

<table>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>

| Deskriptor | Skor |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja | 1m |
| Menjelaskan isi beserta huraian | 2m |
| Menghuraikan isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi. | 3m |
| Merumus isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat,jelas, relevan dan menarik. | 4m |

Cadangan isi:<br><br>-Solat tonggak kejayaan dalam kehidupan mukmin.<br>- Melatih diri berdisiplin, bersabar.<br>-Meraih keberkatan Allah SWT.<br>-Terpancar imej diri yang mulia di sisi Allah SWT</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td>b</td><td>i</td><td>Dua ciri makanan dan minuman yang haram<br><br>-Makanan dan minuman yang memudaratkan kesihatan tubuh badan/ beracun/ berbisa<br>-Makanan dan minuman yang bercampur dengan benda yang haram.<br>-Makanan dan minuman yang terdapat dalil pengharamannya di dalam al-Quran<br>-Makanan dan minuman yang diperbuat daripada bahan yang haram.<br>-Makanan yang tidak seimbang / tidak berzat<br>-Tidak terdapat logo hala l/diusahakan oleh orang bukan Islam.</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>ii</td><td>Dua syarat Islam mengharuskan umatnya makan makanan yang haram ketika darurat.<br><br>-Hanya terdapat makanan dan minuman yang haram sahaja pada waktu itu.<br>-Makan dan minum yang haram sekadar untuk menyelamatkan nyawa<br>-Makan dan minum yang haram bukan bertujuan untuk kenyang.</td><td>2 isi x 2m<br>= 4m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>iii</td><td>Dua pengajaran daripada hadis di atas.(Terangkan)<br><br>-Kita hendaklah prihatin terhadap makanan dan minuman yang halal dan berkhasiat supaya sentiasa mendapat rahmat Allah SWT.</td><td>2 isi x2m<br>=4m</td></tr>
</table>

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | -Kita wajiblah menghindari daripada makanan dan minuman yang haram **supaya** akal terpelihara.<br>-Kita hendaklah berusaha mencari rezeki yang halal **kerana** rezeki yang halal menjanjikan keberkatan hidup.<br>-Kita hendaklah memakai pakaian yang menutup aurat supaya maruah diri terpelihara.<br>-Kita hendaklah melakukan amal soleh supaya mendapat rahmat Allah SWT. | |
| 2 | a | i | **Dua** cara anda mengasihi Rasulullah SAW (Nyatakan)<br><br>-Mengamalkan sunnnah Rasulullah SAW/mengikut ajaran Rasulullah SAW<br>- Sentiasa berselawat kepada Rasulullah SAW / mendoakan Rasulullah<br>-Membaca / menghayati dan menghafaz hadis nabi SAW.<br>-Menziarahi makam Rasulullah SAW.<br>-Mengadakan sambutan maulidurrasul/ ceramah maulidurasul<br>-Mengasihi sahabat baginda/ ahli keluarga Rasulullah SAW<br>-Mengkaji sirah Rasulullah SAW.<br>-Mempertahan/ membela Rasulullah SAW apabila dihina.<br>-Melakukan suruhan Allah dan meninggalkan larangan-Nya.<br>-Menyimpan janggut seperti Rasulullah SAW | 2 isi x 1m<br>= 2m |
| | | ii | **Dua** hikmah Nabi Muhammad SAW dipilih dalam kalangan manusia**(Jelaskan)**<br><br>-Membuktikan syariat Islam mampu dilaksanakan oleh manusia.<br>-Memudahkan manusia mencontohi Rasulullah SAW.<br>-Hanya manusia sahaja yang mengetahui selok-belok kehendak manusia.<br>-Memudahkan manusia menerima ajaran Islam.<br>-Memudahkan manusia berkomunikasi dengan Rasulullah SAW | 2 isi x 1m<br>=2m |
| | | iii | **Dua** peranan tawakkal dalam kehidupan muslim (Terangkan)<br><br>-Menambah keyakinan terhadap sesuatu perkara yang dilakukan kerana bergantung kepada Allah SWT.<br>-Melahirkan sikap sabar dan tekun dalam melakukan sesuatu urusan supaya dapat diselesaikan dengan mudah. | 2 isix 2m<br>=4m<br>Isi dan huraian |

<table>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>-Menghindarkan diri dari memiliki sifat berputus asa kerana menyakini rahmat Allah SWT itu luas.<br>-Menjadikan pendakwah sentiasa gigih dalam menghadapi tentangan kerana memiliki sifat istiqamah dalam perjuangan.<br>-Menanam sikap redha dengan segala ketentuan Allah SWT setelah berusaha dan berdoa.</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td>b</td><td>i</td><td>Maksud potongan hadis yang bergaris<br><br>صحتك لمرضك<br><br>-Beramal semasa kamu sihat untuk persediaan ketika kamu sakit.</td><td>1 isi x2m<br>=2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>ii</td><td>Dua teknik pengurusan masa yang efektif<br><br>-Merancang penggunaan masa dengan betul.<br>-Membuat jadual pembelajaran.<br>-Mengurus masa dengan bijak.<br>-Melakukan perkara-perkara yang berfaedah<br>-Menentukan wawasan hidup<br>-Menyediakan jadual waktu<br>- senarai semak/ ikut keutamaan<br>-Mengisi masa lapang dengan aktiviti berfaedah.</td><td>2 isi x1m<br>=2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>iii</td><td>Soalan KBAT<br><br>Masa yang berlalu tidak akan berulang kembali.<br><br>Buktikan kebenaran di atas dengan mengemukakan hujah anda.<br><br>
<table>
<tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan isi sahaja</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi beserta huraian</td><td>2m</td></tr>
<tr><td>Menghuraikan isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi.</td><td>3m</td></tr>
<tr><td>Merumus isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat,jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr>
</table>
<br>Cadangan isi:<br><br>Manusia hendaklah merancang wawasan hidup kerana masa yang berlalu tidak akan berputar</td><td>4m</td></tr>
</table>

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | kembali, seperti mana maksud kalam Allah SWT dalam surah al-Asr," demi masa sesungguhnya manusia itu dalam kerugiaan" .Hal ini kerana , perancangan hidup yang sistematik akan menghasilkan kejayaan di dunia dan akhirat. Kesimpulannya, kita hendaklah mengurus masa dengan efektif kerana masa yang berlalu tidak dapat ditukar ganti dengan segunung emas. | |
| | C | | **Ayat hafazan**<br><br>**D**<br>**C**<br>**B**<br>**E** | <br><br>1m<br>1m<br>1m<br>1m |
| 3 | a | i | **Dua** contoh menjaga hubungan baik sesama manusia<br><br>-Menyebarkan salam<br>-Bertanya khabar<br>-Ziarah- menziarahi<br>-Memberi senyuman<br>-Berjual beli/ bermuamalah<br>-Nasihat- menasihati<br>-Bersedekah/memberi hadiah/memberi hibah<br>-Tolong-menolong/ gotong-royong<br>-mengucapkan takziah/ melakukan usrah/ menjaga silaturahim/ hormat-menhormati<br>-Mendoakan sahabat/ solat berjemaah/ berqiamullail di masjid atau surau<br><br>[ jawapan munasabah diterima ] | 2 isi x1m =2m |
| | | ii | Tanggungjawab manusia sebagai khalifah di atas muka bumi daripada aspek **Al-Khilafah** (Jelaskan)<br><br>-Manusia atau pemimpin dipertanggungjawabkan menegakkan Islam sebagai cara hidup dalam kehidupan.<br>-Membina kekuasaan untuk menjalankan perintah Allah SWT dan mentadbir kerajaan yang berteraskan prinsip mengabdikan diri kepada Allah SWT. | 1 isi x2m =2m |
| | | iii | **Dua** hikmah Allah SWT menjadikan manusia berbeza dari segi taraf dan kedudukan.(Terangkan)<br><br>- Supaya orang kaya dapat menolong yang miskin agar rezeki dapat dinikmati bersama. | 2 isi x2m =4m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | -Dapat mengeratkan hubungan silaturrahim kerana saling mengenali antara satu sama lain.<br>-Menguji keimanan manusia agar redha dengan ketentuan Allah SWT.<br><br>[ Jawapan Munasabah diterima**]** | |
| | b | i | **Dua** larangan Rasulullah SAW<br><br>**-**Dengki<br>**-**Tipu-menipu<br>-Benci-membenci<br>-Berjual beli atas jualan orang lain<br>- Melakukan kezaliman/ menindas/ buli<br>-Membiarkan saudaranya dalam kehinaan<br>-Berbohong<br>-Menghina<br>-Membunuh<br>-Menceroboh harta orang lain mencuri/ merompak<br>-Mencemar maruah orang lain/ mencabul/ Merogol<br>-Membiarkannya dalam kehinaan | 2 isi x1m =2m |
| | | ii | **Dua** sebab Islam melarang umatnya melakukan perbuatan tersebut.(Jelaskan)<br><br>-Sikap tersebut menyebabkan umat Islam tidak maju dan ketinggalan dalam semua aspek kehidupan.<br><br>-Sikap menipu, berbohong dapat menghilangkan kepercayaan orang lain terhadap diri sendiri.<br>- menimbulkan perpecahan dalam masyarakat/ mencetuskan perpecahan./ mengugat hubungan silaturrahim.<br>- Ekonomi tergugat | 2 isi x1m =2m |
| | | iii | Perpaduan membentuk masyarakat yang bersatu padu<br>Berdasarkan pernyataan di atas, huraikan usaha yang boleh anda lakukan untuk mewujudkan perpaduan dalam kalangan pelajar berbilang kaum di sekolah. | 4 m |

| **Deskriptor** | **Skor** |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja | 1m |
| Menjelaskan isi beserta huraian | 2m |
| Menghuraikan isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang | 3m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | <table><tr><td>diberi.</td><td></td></tr><tr><td>Merumus isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat,jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr></table><br>Perpaduan dapat diamalkan dalam kalangan murid di sekolah dengan cara saling bantu –membantu dan bekerjasama dalam menyelesaikan tugasan yang diberi oleh guru, supaya tugasan dapat disiapkan dengan lebih cepat dan mengikut jadual. Hal ini kerana, bekerja dalam satu pasukan dapat mengeratkan hubungan pelbagai kaum di sekolah sama ada Melayu, Cina , India dan lain-lain. Kesimpulannya, kita hendaklah mengamalkan perpaduan dalam kalangan murid supaya generasi yang cemerlang dapat direalisasikan pada masa hadapan. | |
| | c | | **Susun ayat (secara mendatar)**<br><br>**3 1  4 2** | 4 isi x1m<br>=4m |
| 4 | a | i | **Dua** ciri orang beriman selain infak (Nyatakan)<br><br>-Melazimi Qiamullail iaitu bangun dan beribadah di waktu malam.<br>-Berdoa dengan rasa takut dan berharap hanya kepada Allah SWT. | 2 isi x1m<br>=2m |
| | | ii | **Dua** kebaikan budaya infak dalam menyatupadukan umat Islam di Malaysia (Jelaskan)<br><br>-Mengikiskan sifat bakhil kerana berkongsi rezeki dengan orang lain.<br>-Dikasihi/ disayangi oleh masyarakat  kerana dapat meringankan beban kemiskinan orang lain.<br>-Mengeratkan hubungan silaturahim antara orang yang kaya dengan orang miskin. | 2 isi x 2m<br>=4m |
| | | iii | Bincangkan sejauh manakah peranan doa dapat membentuk jati diri seorang insan cemerlang (KBAT)<br><br><table><tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan isi sahaja</td><td>1m</td></tr></table> | |

<table>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>
<table>
<tr><td></td><td></td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi beserta huraian</td><td>2m</td></tr>
<tr><td>Menghuraikan isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi.</td><td>3m</td></tr>
<tr><td>Merumus isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat,jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr>
</table>
<br>
Contoh jawapan:
<br><br>
Doa yang dipohon kepada Allah SWT dengan rasa kehambaan pada waktu dinihari mampu melahirkan insan yang soleh. Hal yang demikian, kerana, Allah SWT mendengar rintihan doa hambaNya pada waktu malam yang terakhir, kerana Allah SWT berfirman yang bermaksud " berdoalah , nescaya Aku akan memperkenankan". Kesannya, jati diri seorang mukmin yang soleh akan terpancar kerana terjalin hubungan hamba dengan Maha Pencipta. Kesimpulannya, kita hendaklah merayu, merintih memohon keampunan dan rahmat Allah SWT , agar menjadi insan yang cemerlang di dunia dan akhirat.
</td><td>4 m</td></tr>
<tr><td></td><td>b</td><td></td><td>Hukum tajwid<br><br>A B B A</td><td>4 isi x1m<br>=4m</td></tr>
<tr><td></td><td>c</td><td></td><td>Tulisan Jawi<br><br>
ملقساناكن امر معروف دان نهي منكر اداله ساتو صدقه.<br>
مڠاجق ساودارا کيت كأره كباءيقن دان منچݢه مريك درڤد<br>
ملاکوکن کموڠکرن اکن ميلامتکن مريک درڤد نراک .<br><br>
Catatan:<br>
1) Ejaan DBP –KSSM- terkini.<br>
2) Huruf cerai tidak diterima<br>
3) Menambah titik dan mengurangkan titik di ambil kira<br>
4) Kedudukan hamzah diambil kira.<br>
5) Rumah terlebih gigi –tidak ambil kira.<br>
6) Jika calon tulis 12 perkataan mendapat 1 markah<br>
7) Jika calon menulis mengikut perkataan teks
</td><td>6 m<br><br>Catatan:<br><br>01-03=1m<br>04-07=2m<br>08-11=3m<br>12-15=4m<br>16-19=5m<br>20-23=6m</td></tr>
</table>

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | –perkataan yang betul mendapat markah.<br>8) Menulis tidak mengikut susunan ayat (tidak boleh beri markah) | |
| 5 | a | i | Maksud al-Asmaul Husna<br><br>Nama-nama Allah SWT (1m) yang indah./yang baik/yang suci/ yang agung/ yang mulia.(1m) | 1 isi x 2m =2m |
| | | ii | **Dua** kelebihan mengamalkan al-Asmaul Husna dalam kehidupan seharian.(Jelaskan)<br><br>-Jiwa menjadi tenang kerana mendekatkan diri kepada Allah SWT.<br>-Iman bertambah mantap kerana mengamalkan al-Asmaul Husna dalam kehidupan seharian.<br>-Doa dimakbulkan kerana melazimi diri berzikir menyebut nama-nama Allah SWT yang indah.<br>-Terhindar dari segala penyakit hati.<br>- Hidup dirahmati/diberkati/ diredhai (1m)<br>-Tenang (1m) | 2 isi x2m =4m |
| | | iii | **Dua** daripada pengajaran ayat di atas.(Terangkan)<br><br>-Kita hendaklah sentiasa bertasbih kepada Allah SWT kerana haiwan dan tumbuhan pun sentiasa tunduk bertasbih kepada Allah SWT.<br><br>-Kita hendaklah sentiasa memuji kebesaranNya kerana Allah SWT mempunyai 99 nama yang menggambarkan sifat keagunganNya.<br><br>-Kita hendaklah menyakini kehebatan dan kekuasaanNya kerana Allah SWT mengetahui segala perkara ghaib di alam ini. | 2 isi x 2m =4m |

<table>
<tr><td></td><td>b</td><td></td><td>Hukum Tajwid<br><table><tr><th>Bil</th><th>Hukum Mad</th><th>Cara Bacaan</th></tr><tr><td>i</td><td>عِبَادِهِۦ وَيُرْسِلُ</td><td>Dibaca dua harakat</td></tr><tr><td>ii</td><td>ٱلْقَاهِرُ</td><td>Dibaca dua harakat</td></tr><tr><td>iii</td><td>حَتَّىٰٓ إِذَا</td><td>Dibaca empat atau lima harakat</td></tr><tr><td>iv</td><td>جَآءَ</td><td>Dibaca empat atau lima harakat</td></tr><tr><td>v</td><td>رُسُلُنَا</td><td>Dibaca dua harakat</td></tr><tr><td>vi</td><td>وَهُمْ لَا يُفَرِّطُونَ</td><td>Dibaca dua/empat/enam harakat</td></tr></table><br>Catatan :<br><br>1. Kalimah betul dan cara bacaan betul =2m<br>2. Kalimah betul dan cara bacaan salah = 1m<br>3. Kalimah salah dan cara bacaan betul =0m<br>4. Kalimah salah dan cara bacaan salah =0m</td><td>3 isi x 2m<br>=6m</td></tr>
<tr><td></td><td>c</td><td>i</td><td>Orang beriman mesti bergantung kepada Allah SWT dengan membanyakkan berdoa.</td><td>1m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>ii</td><td>Kesedaran memelihara harta awam hendaklah dipupuk bermula dari rumah lagi.</td><td>1m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>iii</td><td>Pendidikan intelektual bermaksud pendidikan yang berkaitan dengan akal dan pemikiran</td><td>1m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>iv</td><td>Ilmu Astronomi ialah bidang ilmu yang maju pada zaman Abbasiah.</td><td>1m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>Catatan:<br>Bagi setiap jawapan , kesalahan 2 perkataan atau lebih =0 markah.<br>Penulisan simbol / singkatan tidak diterima.<br>Ejaan ringkas yang popular diterima"yg/dlm/kpd/drpd)<br>-Perkataan ganda (anak-anak –perlu ditulis)</td><td></td></tr>
</table>

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**